

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : INISIATIF PEDULI RAKYAT**

21. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah wang yang telah di belanjakan mengikut program-program IPR sejak 2008 di bawah kerajaan dan GLC masing-masing.
- b) Nyatakan jumlah wang yang telah di belanjakan untuk program jom shopping.

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah kos yang besar bagi Program IPR dari tahun 2008 sehingga kini. Namun begitu, Kerajaan Negeri sangat optimis bahawa program yang diperkenalkan ini mampu memberi impak yang optima kepada setiap penerima manfaat berdasarkan kepada penerimaan rakyat terhadap program sehingga kini. Jumlah perbelanjaan dan kos keseluruhan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dari 2008 sehingga 2017 adalah sebanyak RM2,551,035,106.94. Butiran perbelanjaan bagi setiap program adalah seperti Jadual 1 di bawah.

**Jadual 1: Jumlah Perbelanjaan Setiap Program IPR Sehingga Tahun 2017**

<b>NO.</b>	<b>PROGRAM</b>	<b>PERBELANJAAN</b>
1	Smart Selangor Food Stamp	3,945,200.00
2	Program Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang	8,321,616.00
3	Bantuan Bina dan Baiki Rumah (Kerajaan Prihatin)	27,223,908.24
4	Program Pemberian Bantuan Baucer untuk Rakyat Miskin Bersempena Perayaan	38,983,500.00
5	Program Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan	10,234,584.10
6	Program Kemahiran Teknikal – INPENS International College	27,265,159.87
7	Dana Usahawan Mikro Selangor (DUMS)	1,524,722.29
8	Bas Smart Selangor	42,500,000.00

<b>NO.</b>	<b>PROGRAM</b>	<b>PERBELANJAAN</b>
9	Bekalan Air Percuma 20 Meter Padu Pertama	1,354,206,738.00
10	Latihan Usahawan IT (SITEC)	1,638,326.95
11	Program Mentor Kraf	19,997.00
12	Skim Peduli Sihat	11,330,122.50
13	Panel Dialisis Sihat Selangor	6,661,093.84
14	Bantuan Sihat Selangor	3,115,124.48
15	Saringan Sihat Selangor (3S)	600,600.00
16	Pengecualian Cukai Pintu dan Fi Lesen	133,052,497.00
17	Hadiah Pengajian IPT	61,474,000.00
18	Bantuan Sara Diri Anak Selangor	1,791,200.00
19	Program Khas Peduli Siswa	4,112,936.29
20	Program Khas Biasiswa Selangorku	3,452,343.82
21	Biasiswa Khas Sagong Tasi	22,921.00
22	Program Khas Selangor Brain Bank	12,124.97
23	Pinjaman Pelajaran Negeri Selangor (Tabung Kumpulan Wang Biasiswa)	25,849,319.89
24	Program Tuisyen Rakyat Selangor	3,202,326.66
25	Program Bantuan Sekolah Negeri Selangor	21,440,000.00
26	Tuisyen Online	4,000,000.00
27	Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)	-
28	Skim Bantuan Asuhan Rakyat (SiKEMBAR)	2,951,190.00
29	Skim Mesra Usia Emas (SMUE)	223,756,500.00
30	Skim Kesihatan Wanita (MammoSEL)	4,914,961.85
31	Skim Bantuan Tadika Selangor (TUNAS)	19,004,282.00
32	Insentif Perkahwinan Belia	22,379,900.00
33	Skim Hijrah Selangor	339,047,500.00
34	Wifi Smart Selangor	24,954,440.69
35	Bantuan Kebajikan Masyarakat (Bantuan Am)	14,922,949.90
36	Skim Smart Sewa	17,162,192.50
37	Skim DanaSel	4,956,000.00
38	Skim Rumah Selangorku	-
39	Skim Ceria (Mengecat Rumah, baiki lif)	84,000,000.00
40	PROGRESS	4,926,244.00
41	Nusantara Audiobook	482,935.00
42	Perpustakaan Bergerak Smart Selangor	1,750,000.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN PERBELANJAAN (RM)</b>		<b>2,557,189,458.84</b>

- b) Program Pemberian Bantuan Secara Baucer untuk Rakyat Miskin Bersempena Perayaan atau lebih dikenali sebagai Program *Jom Shopping* merupakan program bantuan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri secara tahunan sejak tahun 2012 melalui Jawatankuasa Tetap Kemiskinan. Ianya merupakan program bantuan bersempena tiga (3) perayaan utama iaitu Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri dan Deepavali di mana setiap keluarga yang kurang berkemampuan akan membuat pembelian barangan keperluan bernilai RM100 di pasar raya terpilih. Objektif program ini adalah untuk meringankan bebanan keluarga yang kurang berkemampuan dalam membuat persiapan menyambut perayaan.

Berdasarkan rekod, bermula daripada tahun 2012 hingga 12 Mac 2018, jumlah perbelanjaan bagi program ini adalah sebanyak RM41,644,800.00. Pecahan jumlah perbelanjaan program dan jumlah penerima manfaat mengikut perayaan dan tahun adalah seperti jadual berikut:-

BIL.	PERAYAAN	JUMLAH PENERIMA MANFAAT	JUMLAH PERBELANJAAN
<b>TAHUN 2012</b>			
1.	Hari Raya Aidilfitri	56,000 orang	RM2,394,000.00
2.	Deepavali	39,200 orang	RM1,764,000.00
<b>JUMLAH KECIL</b>		<b>95,200 orang</b>	<b>RM4,158,000.00</b>
<i>*Nota : Bantuan bagi tahun 2012 adalah berbentuk hamper barangan keperluan</i>			
<b>TAHUN 2013</b>			
1.	Tahun Baru Cina	16,800 orang	RM840,000.00 <i>*Nota : Wang tunai bernilai RM50</i>
2.	Hari Raya Aidilfitri	28,000 orang	RM2,800,000.00
3.	Deepavali	16,800 orang	RM1,680,000.00
<b>JUMLAH KECIL</b>		<b>61,600 orang</b>	<b>RM5,320,000.00</b>

<b>BIL.</b>	<b>PERAYAAN</b>	<b>JUMLAH PENERIMA MANFAAT</b>	<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>
<b>TAHUN 2014</b>			
1.	Tahun Baru Cina	22,400 orang	RM2,240,000.00
2.	Hari Raya Aidilfitri	25,753 orang	RM2,575,300.00
3.	Deepavali	16,951 orang	RM1,695,100.00
<b>JUMLAH KECIL</b>		<b>65,104 orang</b>	<b>RM6,510,400.00</b>
<b>TAHUN 2015</b>			
1.	Tahun Baru Cina	20,781 orang	RM2,078,100.00
2.	Hari Raya Aidilfitri	28,774 orang	RM2,877,400.00
3.	Deepavali	17,350 orang	RM1,735,000.00
<b>JUMLAH KECIL</b>		<b>66,905 orang</b>	<b>RM6,690,500.00</b>
<b>TAHUN 2016</b>			
1.	Tahun Baru Cina	26,229 orang	RM2,622,900.00
2.	Hari Raya Aidilfitri	31,363 orang	RM3,136,300.00
3.	Deepavali	22,344 orang	RM2,234,400.00
<b>JUMLAH KECIL</b>		<b>79,936 orang</b>	<b>RM7,993,600.00</b>
<b>TAHUN 2017</b>			
1.	Tahun Baru Cina	26,209 orang	RM2,620,900.00
2.	Hari Raya Aidilfitri	34,081 orang	RM3,408,100.00
3.	Deepavali	22,820 orang	RM2,282,000.00
<b>JUMLAH KECIL</b>		<b>83,110 orang</b>	<b>RM8,311,000.00</b>

<b>BIL.</b>	<b>PERAYAAN</b>	<b>JUMLAH PENERIMA MANFAAT</b>	<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>
<b>TAHUN 2018</b>			
1.	Tahun Baru Cina	26,613 orang	RM2,661,300.00
2.	Hari Raya Aidilfitri	<i>*Program belum dilaksanakan</i>	
3.	Deepavali	<i>*Program belum dilaksanakan</i>	
<b>JUMLAH KECIL</b>		<b>26,613 orang</b>	<b>RM2,661,300.00</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b> <i>(sehingga 12 Mac 2018)</i>		<b>478,468 orang</b>	<b>RM41,644,800.00</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(N20 LEMBAH JAYA)**

**TAJUK : PENTERNAKAN**

22. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah cadangan penambahbaikan jangka pendek dan jangka panjang untuk sektor penternakan?
- b) Berapakah peruntukan yang disediakan untuk mencapai sasaran penambahbaikan ini?
- c) Berikan beberapa contoh kejayaan cemerlang yang telah dicapai?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor telah dan sedang melaksanakan beberapa penambahbaikan untuk sektor penternakan. Bagi pelaksanaan penambahbaikan jangka pendek adalah seperti berikut :
  - i. Meningkatkan kapasiti kakitangan dan golongan penternak dalam bidang-bidang khusus yang berkaitan dengan cabaran-cabaran utama sektor penternakan masa kini melalui Program Pengembangan Veterinar dan program-program latihan yang lebih spesifik seperti penternakan lembu pedaging dan tenusu berkualiti tinggi, pemprosesan makanan haiwan dan pembiakan secara Perumahan Beradas Buat Sendiri (*AI-DIY*).
  - ii. Memperkenalkan Manual Pelaksanaan Bantuan Kerajaan yang berkaitan dengan pemberian bantuan kepada golongan penternak dan usahawan Industri Asas Ternak (IATn) supaya proses pemilihan penerima lebih telus, pemantauan lebih berkesan dan mencapai objektif program yang telah digariskan.
  - iii. Menggalakkan aktiviti tambah nilai seperti industri asas ternakan dilaksanakan supaya sektor penternakan mampu berdaya saing dengan aktiviti-aktiviti ekonomi yang lain.
  - iv. Mengubah suai 4 unit bangunan lama milik DVS dan ditukar fungsinya menjadi VETMART iaitu pusat pemasaran produk-produk hasil ternak

sebagai salah satu usaha meluaskan pasaran penternak dan usahawan IATn tempatan.

- v. Mewujudkan sebuah Inkubator Usahawan IATn yang lengkap dengan peralatan terkini sebagai langkah membantu usahawan IATn berpotensi memulakan projek.
- vi. Memastikan kesinambungan sektor penternakan diteruskan oleh generasi muda melalui Program Agro Generasi Muda Selangor (AGROGEMS) dan Program Warisan Ternak.

Penambahbaikan jangka panjang pula adalah seperti berikut :

- i. Hasil dapatan kajian dan perancangan jangka panjang melalui Pelan Induk Pembangunan Pertanian Selangor (PIPP) bagi sektor ternakan adalah seperti berikut:-
  - a. Meningkatkan jumlah ternakan lembu melalui konsep penternakan secara integrasi khususnya di ladang-ladang kelapa sawit. Konsep tersebut wajar dilaksanakan memandangkan kawasan tanah untuk ternakan semakin mengecil.
  - b. Memperkasakan dan meningkatkan lagi projek penanaman rumput pastura khususnya rumput napier sebagai makanan ternakan memandangkan kos makanan ternakan yang semakin meningkat pada ketika ini. Beberapa kawasan telah pun dikenalpasti untuk tujuan tersebut sebagai contoh di atas tanah-tanah rezab sungai yang bersesuaian dan menepati syarat-syarat penggunaan tanah oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) selain ianya hampir dengan sumber air yang merupakan satu elemen penting untuk menghasilkan rumput napier yang berkualiti.
  - c. Memberikan galakan kepada penternak untuk menternak baka lembu hibrid atau lebih dikenali sebagai lembu sado (otot berganda) di mana ianya boleh menghasilkan daging yang banyak memandangkan berat seekor lembu sado boleh mencapai sehingga 1 tan berbanding lembu biasa yang mempunyai berat purata 0.4 tan seekor.

- ii. Pembukaan lebih banyak plot-plot penternakan baharu untuk disewakan kepada penternak yang menghadapi masalah kawasan.
  - iii. Menggubal dan melaksanakan beberapa skim berkaitan program kawalan dan pembasmian penyakit-penyakit haiwan dan zoonotik seperti Persijilan Ladang Bebas Penyakit Bruselosis dan Persijilan Ladang Bebas Penyakit Tuberkulosis sebagai gerakan mewujudkan suasana yang kondusif bagi sektor penternakan pada masa mendatang.
  - iv. Memperkenalkan dan menguatkuasakan beberapa undang-undang baharu seperti Akta Kebajikan Haiwan 2015 (berkuatkuasa 2017), Kaedah Ordinan Binatang 1953 (Semakan 2016) dan Enakmen Perladangan Unggas Negeri Selangor 2007.
  - v. Memperkasakan kerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan yang lain seperti pihak berkuasa tempatan (PBT), Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan sebagainya demi untuk memastikan kelestarian sektor penternakan di seluruh negeri.
- b) Peruntukan yang telah disediakan untuk mencapai sasaran penambahbaikan ini adalah seperti yang telah ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Ke Sebelas (2016 – 2020). Secara keseluruhannya, peruntukan yang telah disediakan bagi tujuan ini adalah berjumlah RM24.76 juta bagi tempoh lima tahun dengan pecahannya seperti berikut :

<b>BIL.</b>	<b>NAMA PROGRAM</b>	<b>PERUNTUKAN RMKe-11 (RM)</b>
1.	Latihan Kakitangan dan Usahawan termasuk PPV	2,000,000
2.	Bantuan Kerajaan kepada usahawan IATn	2,153,300
3.	Pusat Pengumpulan dan Pemasaran Produk IATn (VETMART)	2,135,000
4.	Inkubator Usahawan IATn	1,256,700
5.	Warisan Ternak	375,000



6.	Program AGROGEMS (Ternakan)	1,015,400
7.	Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dan Taman Translokasi	10,077,000
8.	Kawalan dan Pembasmian Penyakit Haiwan dan Zoonotik	4,348,000
9.	Regulatori	1,000,000
10.	Pelaksanaan Dapatan Pelan Induk Pembangunan Pertanian Selangor (Ternakan)	400,000
	<b>JUMLAH</b>	<b>24,760,400</b>

c) Beberapa contoh kejayaan cemerlang yang telah dicapai adalah :

- i. Dalam tempoh lima tahun, pengeluaran beberapa hasil penternakan utama telah meningkat walaupun persaingan menggunakan tanah dan pekerja dengan sektor ekonomi lain sentiasa sengit. Pengeluaran daging ayam di negeri ini telah meningkat sebanyak 115% daripada 69 ribu tan pada 2013 kepada 149 ribu tan pada 2017. Pengeluaran susu juga turut meningkat sebanyak 25% daripada 4.55 juta liter pada 2013 kepada 5.67 liter pada 2017. Pengeluaran daging lembu/kerbau turut meningkat sedikit iaitu sebanyak sebanyak 13% daripada 415 tan pada 2013 kepada 468 tan pada 2017. Pengeluaran komoditi-komoditi utama lain masih mengekalkan momentum sedia kala.
- ii. Kecemerlangan yang berikutnya adalah di peringkat penternak pula. Pada Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Kebangsaan (HPPNK) sempena MAHA 2014, MJ Fatonah Sdn. Bhd. yang mengusahakan sebuah ladang penternakan bercampur telah diisytiharkan sebagai Penternak Jaya Kebangsaan dan turut menerima Anugerah Perdana Menteri iaitu pemenang keseluruhan di kalangan penerima-penerima anugerah pada tahun itu.

- iii. Seterusnya, pada HPPNK 2015 pula, Encik Saipul Azmir bin Zainuddin, seorang penternak di Kuala Langat yang memiliki lebih 700 ekor lembu pedaging, 150 ekor kambing dan 30 ekor kerbau telah dinobatkan sebagai Peladang Jaya Kebangsaan 2015.
- iv. Dan yang terkini, ladang penternakan ayam kampung komersial di Kuala Langat iaitu Arisprop Holdings Sdn. Bhd. telah memenangi Anugerah Inovasi Pertanian dan Industri Asas Tani Jaya Kebangsaan pada HPPNK 2017. Ladang ini merupakan ladang ayam kampung pertama di Malaysia yang menggunakan sistem kandang dua tingkat.
- v. Daripada segi kawalan dan pembasmian penyakit haiwan dan zoonotik pula, jumlah ladang ternakan yang disahkan sebagai Ladang Bebas Penyakit telah meningkat secara mendadak. Bilangan Ladang Bebas Penyakit Bruselosis telah bertambah daripada 21 ladang pada 2013 kepada 156 ladang pada 2018. Bilangan Ladang Bebas Penyakit Tuberkulosis pula telah meningkat daripada 15 ladang pada 2015 kepada 18 ladang pada tahun 2018. Pencapaian yang memberangsangkan ini membuktikan peningkatan kesedaran penternak dalam mengawal dan membasmi penyakit zoonotik. Ianya juga membuktikan kerjasama erat antara jabatan dan penternak demi untuk memelihara kesihatan para pengguna di negeri ini.
- vi. Di peringkat jabatan pula, DVS Selangor telah menyiapkan enam projek yang julung kali dilaksanakan di kalangan semua DVS negeri di seluruh Malaysia. Projek-projek tersebut adalah:-
  - 1. Sistem Pangkalan Data Web Veterinar Peringkat Negeri (VETSEL);
  - 2. Pusat Teknologi Efektif Mikrob (EM);
  - 3. Pusat Pengumpulan dan Pemasaran Produk IATn (VETMART);
  - 4. Klinik Veterinar Bergerak;
  - 5. Rumah Sembelih Ruminan Kelas Daerah; dan
  - 6. Inkubator Usahawan Industri Asas Ternak

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL  
(N25 KAJANG)**

**TAJUK : PENSTRUKTURAN INDUSTRI AIR**

23. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan status penstrukturan semula industri air Selangor selepas mahkamah membatalkan saman RM14 bilion Puncak Niaga Holdings Berhad?
- b) Apakah manfaat jangka panjang yang akan diperolehi rakyat?
- c) Apakah jangkaan tempoh penyelesaian penggantian paip lama di seluruh Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Saman yang dikemukakan oleh Puncak Niaga Holdings Berhad tersebut sama sekali tidak menjejaskan rancangan penstrukturan semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor. Pada ketika ini, dalam usaha untuk memuktamadkan penstrukturan semula tersebut, rundingan bagi pengambilalihan SPLASH masih lagi berjalan dalam usaha untuk mencapai persetujuan bersama ke atas terma-terma bagi memastikan persetujuan bersama yang tercapai adalah yang terbaik di dalam memelihara kepentingan negeri dan rakyat secara umumnya. Tempoh rundingan pengambilalihan ini akan tamat pada 04 Julai 2018.
- b)
  - 1. Sepertimana yang pernah dijelaskan kepada Dewan yang mulia ini, tujuan penstrukturan semula adalah bertujuan untuk memastikan kelestarian industri air ke arah perkhidmatan air yang holistik dan efisien pada kadar yang berpatutan.
  - 2. Selepas proses pengambilalihan selesai, perjanjian-perjanjian konsesi sedia ada akan ditamatkan dan perkhidmatan air akan beralih kepada model industri yang baharu. Objektif utama penstrukturan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor adalah untuk mewujudkan satu perkhidmatan yang holistik di bawah satu operator yang dimiliki penuh oleh Kerajaan Negeri dan dikawal selia oleh SPAN bagi merealisasikan industri perkhidmatan air yang efisien, efektif, berdaya saing dan mapan berdasarkan kepada ciri-ciri berikut:-

- (a) Industri perkhidmatan air diuruskan secara holistik melalui sebuah syarikat yang dimiliki atau di bawah kawalan Kerajaan Negeri;
  - (b) Operator perkhidmatan air yang dilesenkan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) – Industri Perkhidmatan Air yang akan dikawal selia oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Pengawasan dan pemantauan ke atas prestasi operator akan dapat dilaksanakan lebih teratur dan berkesan terutamanya ke atas aspek ekonomi, teknikal, sosial dan perlindungan pengguna. Ini dapat mengujudkan sistem tadbir urus yang lebih cekap dan telus di mana kepentingan rakyat akan diberi perhatian utama
  - (c) Operator yang beroperasi secara *asset light* dengan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada peningkatan tahap keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan berasaskan syarat lesen dan KPI yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).
3. Selepas penstrukturan semula dimuktamadkan sepenuhnya termasuk dengan pengambilalihan SPLASH, Air Selangor akan menjadi operator tunggal yang akan melaksanakan aktiviti rawatan dan agihan air secara holistik dan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada peningkatan tahap keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan. Di bawah model baharu industri air ini, pembiayaan perbelanjaan modal (“CAPEX”) untuk membaik pulih, menaik taraf dan membangunkan infrastruktur air akan dilakukan melalui Pengurusan Aset Air Berhad (“PAAB”), sebuah syarikat milikan penuh Menteri Kewangan (Diperbadankan).
  4. PAAB akan menjana modal untuk membiayai pembangunan infrastruktur air melalui pasaran kewangan. Oleh kerana PAAB merupakan sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan, PAAB menikmati penarafan kredit yang lebih baik berbanding dengan syarikat swasta dan ini membawa kepada kos pinjaman yang lebih rendah. Ini berbeza dengan sistem yang terdahulu di mana CAPEX adalah ditanggung oleh syarikat konsesi swasta yang berunsurkan keuntungan.
  5. Peralihan kepada model baru industri air ini, antara lain, melibatkan pindah milikan aset-aset air oleh Air Selangor dan syarikat-syarikat konsesi kepada PAAB dan sebagai balasan, PAAB akan mengambil alih dan menstrukturkan semula segala pinjaman/hutang syarikat-syarikat konsesi yang diambil alih oleh Air Selangor.

6. PAAB seterusnya akan memberi pajakan atau hak penggunaan aset-aset air tersebut kepada Air Selangor bagi tujuan menyediakan bekalan air kepada pengguna-pengguna di negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya untuk tempoh selama 45 tahun dan selepas tempoh tersebut. PAAB akan mengenakan sewa bulanan bagi pajakan dan penggunaan aset-aset air tersebut oleh Air Selangor, mengikut kadar sewa dan tempoh pajakan yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.
  7. Model baru industri air di mana kos pembiayaan untuk CAPEX di bawah tanggungjawab PAAB adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan pembiayaan CAPEX oleh syarikat swasta. Melalui model baru ini, operator-operator air boleh memfokuskan usaha sepenuhnya ke atas penyediaan perkhidmatan air dengan lebih cekap dan berkesan.
  8. Di bawah pengurusan industri yang lama, keadaan industri tidak holistik telah menyumbang kepada pengurusan air yang tidak cekap dan kos operasi yang membebankan pengguna melalui kenaikan tarif yang tinggi. Kos operasi dalam merawat air mentah untuk dijadikan air terawat oleh operator rawatan air perlu ditanggung oleh SYABAS dalam bentuk Kadar Air Pukal (*Bulk Supply Rate*) . Pengiraan kadar air pukal ini juga turut memasukkan kadar *Fixed Monthly Payment dan Capacity Charge* yang mana peningkatan kadar ini ditetapkan di dalam Perjanjian Konsesi sedia ada. Selaku operator tunggal, Air Selangor tidak lagi terikat untuk membayar Kadar Air Pukal, *Fixed Monthly Payment dan Capacity Charge* dan ini dapat mengurangkan kos operasi dan akhirnya dapat menjamin kadar tarif yang *affordable* serta meneruskan Program Pemberian 20 meter padu Air Percuma kepada pengguna di Negeri Selangor.
- c) Program penggantian paip lama yang sedang berjalan sekarang adalah berdasarkan senarai keutamaan bagi kawasan kritikal (*hotspot*) yang telah dikenal pasti pada tahun 2016. Sebanyak 84 hotspot dengan jumlah panjang paip kira-kira 423 km telah dikenal pasti dengan anggaran peruntukan sebanyak RM374.3 juta untuk projek penggantian paip lama dan pemasangan paip baru tersebut. Projek tersebut dijangka akan diselesaikan secara berperingkat dan bakal siap sepenuhnya menjelang akhir 2019. Semenjak daripada itu, Air Selangor terus dan sedang di dalam proses untuk mengenal pasti kawasan-kawasan lain yang memerlukan penggantian paip untuk perlaksanaan selepas tahun 2019.

Penggantian paip lama di seluruh Selangor dijangka akan mengambil masa yang amat lama, iaitu melebihi 30 tahun. Keseluruhan panjang paip di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah sepanjang **28,448 km** (2017) Daripada jumlah ini, **6,285 km** adalah merupakan paip jenis asbestos yang telah usang. Sekiranya setiap tahun Air Selangor menggantikan paip sepanjang 200km, maka tempoh penggantian paip jenis asbestos sahaja akan memerlukan masa lebih kurang 30 tahun untuk diganti sepenuhnya, tidak termasuk paip-paip jenis lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : PENUTUPAN DAN PEMULIHAN BUKIT BROGA**

24. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pemulihan Bukit Broga yang ditutup selama tiga bulan pada hujung tahun 2016 dan kerja-kerja yang telah dilakukan?
- b) Berapakah kos sebenar pemulihan bukit berkenaan?
- c) Agensi mana yang bertanggungjawab kepada pentadbiran Bukit Broga?

**JAWAPAN:**

- a) Pihak Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor telah melaksanakan kerja Pembaikan Secara Reka Dan Bina melalui Kontraktor Nadiras Cergas Sdn. Bhd. Kerja-kerja telah dimulakan pada 24 Oktober 2017 dan telah siap sepenuhnya pada 25 Disember 2017.
- b) Kos Kerja Pembaikan adalah sebanyak RM 901,000.00. Kaedah Pembaikan yang dilaksanakan adalah Kaedah Hydroseeding dengan keluasan 100 ekar kawasan ( 404,686 m<sup>2</sup>).
- c) Bukit Broga merupakan **Tanah Kerajaan** di Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat seluas lebih kurang 143 ekar. Berdasarkan Pelan Akui 18083, terdapat tanah '**Sakai Dusun**' (lebih kurang 1 ekar) di bahagian barat laut dan di bahagian barat daya merupakan '**Sakai Land Fruit Trees**' (lebih kurang 30 ekar). Susulan isu penerokaan Bukit Broga oleh penduduk Kampung Orang Asli Broga, Mesyuarat EXCO-MTES pada 17 Ogos 2017 dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ke 28/ 2017 pada 30 Ogos 2017 bersetuju supaya pentadbiran Bukit Broga diambil oleh **Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)** bagi tanah '**Sakai Dusun**' dan '**Sakai Land Fruit Trees**' melalui perizaban di bawah Seksyen 7 Akta Orang Asli manakala selebihnya oleh **Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ)** selaku Pegawai Penyelenggara dengan dikawal oleh Setiausaha Kerajaan Negeri melalui perizaban sebagai 'Kawasan Rekreasi' di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara.

Masing-masing pihak JAKOA dan MPKJ masih dalam tindakan untuk mengemukakan permohonan perizaban seperti arahan Pihak Berkuasa Negeri tersebut.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : MENINGKATKAN PURATA PENDAPATAN ANAK MUDA**

25. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha – usaha Kerajaan Selangor untuk menambah baik keadaan ekonomi anak muda termasuk meningkatkan purata pendapatan mereka?
- b) Sejauh manakah keberkesanan usaha - usaha tersebut?

**JAWAPAN:**

(Soalan a dan b dijawab bersekali)

Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dan mengambil maklum untuk menambah baik keadaan ekonomi anak muda termasuk meningkatkan purata pendapatan golongan anak muda di Selangor berikutan taraf hidup yang semakin meningkat dan pembangunan belia perlu dititikberatkan terutamanya dari segi pekerjaan dan pendapatan untuk memastikan pembangunan Negeri yang mampan.

Justeru itu, Kerajaan Negeri sentiasa menitik beratkan aspek pembangunan belia di Negeri Selangor dengan memfokuskan dan memberi keutamaan kepada dua aspek penting iaitu pekerjaan dan pendapatan. Selain daripada memastikan belia mendapat pekerjaan, usaha perlu juga diberikan kepada penglibatan belia dalam bidang keusahawanan. Dalam banyak ketikanya, belia lebih menumpukan kepada usaha untuk mendapatkan pekerjaan sebagai sumber mata pencarian untuk menampung keperluan hidup. Mungkin juga disebabkan kurang pendedahan, kesedaran dan pengetahuan, belia tidak menganggap keusahawanan sebagai alternatif sumber pendapatan yang jauh lebih baik daripada pekerjaan. Justeru itu, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Program Dana Usahawan Mikro bagi membuka peluang kepada usahawan mikro di Negeri Selangor untuk mempelbagaikan dan mengkomersialkan produk di samping untuk mengukuhkan perniagaan dan perusahaan mikro di Negeri Selangor melalui peningkatan produktiviti (pengeluaran jualan dan pendapatan). Program ini telah memberi ruang kepada 55 orang usahawan belia di Selangor.

Selain itu, generasi muda di Selangor juga berpeluang untuk menyertai program-program yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri antaranya program Hijrah Selangor yang berteraskan konsep Pinjaman Asas Simpanan yang mana pinjaman yang diberikan digunakan sebagai modal tambahan dalam urusan perniagaan. Hijrah Selangor telah menasarkankan golongan khusus seperti ibu tunggal, penerima blue print, asnaf, belia, orang kelainan upaya dan khariah masjid. Melalui program ini, seramai 19,729 orang usahawan belia telah ditawarkan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM133,638,500.00.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Hijrah Selangor juga melaksanakan program mentor usahawan (*mentoring system*) iaitu *Zero to Hero* di mana melalui program ini usahawan dilatih dan dipantau oleh syarikat peneraju (*anchor company*) dalam jangkamasa 6 bulan untuk memastikan kejayaan mereka.

Di samping itu, bagi generasi muda yang mempunyai minat dalam bidang digital dan teknologi, mereka boleh menyertai program yang dijalankan oleh SITEC di bawah kelolaan Invest Selangor. SITEC juga telah melancarkan Selangor Digital Creative Centre, sebuah pusat inkubator yang menawarkan kolaborasi dan persekitaran inovatif untuk generasi muda melahirkan *start-up* dan produk teknologi yang kreatif.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : MASALAH PAIP AIR KERAP PECAH**

26. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan jangka pendek dan jangka panjang Kerajaan untuk mengatasi masalah paip air masih kerap pecah, sebagai contoh berlaku di kawasan DUN Dusun Tua?

**JAWAPAN:**

- a) Kejadian paip pecah yang berlaku pada jajaran paip utama yang menyalurkan bekalan ke kawasan Dusun Tua adalah disebabkan faktor-faktor berikut:-
- 1- Paip jenis AC (bersaiz antara 150mm, 200mm dan 250mm) yang mudah pecah
  - 2- Usia paip (melebihi 30 tahun)
  - 3- Laluan kenderaan berat (di atas jajaran paip sedia ada di Jalan Hulu Langat)

**RANCANGAN JANGKA PENDEK**

1. Memastikan kerja-kerja pembaikan paip pecah disiapkan dengan kadar segera bagi mengurangkan tempoh masa gangguan kepada pengguna.
2. Memasang perkakasan mengurus/mengawal tekanan (Pressure Reducing Valve-PRV) pada paip di Jalan Hulu Langat bagi mengurangkan berlakunya kejadian paip pecah.

**RANCANGAN JANGKA PANJANG**

1. Inisiatif pemasangan paip baharu 600mm di Jalan Hulu Langat bagi menggantikan paip sediaada. Namun kekangan daripada pihak berkuasa tempatan (JKR Persekutuan) yang telah menyebabkan penangguhan pelaksanaan pemasangan paip baharu ini.
2. Pelaksanaan pemasangan paip baharu 700mm di dalam Pakej Projek Loji Rawatan Air (LRA) Langat 2.
3. Pelaksanaan pemasangan paip baharu 250mm bermula dari Batu 10 hingga ke Batu 14 Jalan Hulu Langat bagi menggantikan paip.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(N33 TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : EARLY INTERVENTION PROGRAMME**

27. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri Selangor dalam menyediakan EIP yang lebih luas yang dapat dinikmati oleh lebih ramai keluarga yang mempunyai anak-anak yang berkeperluan khas?

**JAWAPAN:**

- a) Pendidikan *Early Intervention Programme-EIP* adalah merupakan isu global yang seharusnya dititikberatkan dan menjadi tanggungjawab pihak Kerajaan Persekutuan dalam menyediakan keperluan kepada kanak-kanak berkeperluan khas bagi mendapatkan pendidikan yang sepatutnya. Walau bagaimanapun, sebagai kerajaan yang prihatin terhadap golongan ini Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan khas dalam membantu institusi yang menyediakan perkhidmatan dan pendidikan EIP kepada kanak-kanak berkeperluan khas untuk mendapatkan pendidikan, menambahbaik kemudahan infrastruktur dan terapi seperti *physiotherapy, occupational therapy, speech therapy* dan *hydrotherapy*.

Sebagai makluman ahli Yang Berhormat, pada tahun 2017 Kerajaan Negeri telah menyalurkan bantuan kewangan berjumlah RM1,226,200.00 kepada 13 buah institusi yang memberikan perkhidmatan pendidikan dan pelbagai jenis terapi kepada golongan kanak-kanak yang berkeperluan khas ini. Pemberian bantuan peruntukan dari Kerajaan Negeri ini telah banyak membantu institusi-institusi berkenaan dalam membiayai kos yuran pengajian, menampung pendidikan dan perkhidmatan terapi, membiayai kos penambahbaikan dan kos operasi, menaiktaraf kemudahan dan lain-lain.

Bagi cadangan yang dibangkitkan oleh ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri perlu membuat penelitian semula memandangkan ianya akan melibatkan kos implikasi kewangan yang tinggi. Justeru itu, melalui pemberian bantuan kewangan kepada institusi berkenaan secara tidak langsung dapat membantu keluarga yang mempunyai anak-anak yang istimewa dan memerlukan pendidikan yang serta keperluan khas dalam membimbing anak-anak ini meneruskan pembelajaran di bidang akademik, kehidupan seharian dan kemahiran sosialisasi diri serta perkembangan emosi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : PENCEMARAN SUNGAI**

28. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah Kerajaan Negeri bagi memastikan kebersihan Sg. Bernam Hulu Selangor terpelihara?
- b) Apakah kriteria yang diambil kira oleh Kerajaan Negeri bagi pemohon lesen ternakan?

**JAWAPAN:**

- a) Lembangan Sungai Bernam dengan keluasan 3,335km<sup>2</sup> menempatkan Sungai Bernam dengan panjang 200km merupakan lembangan sungai utama bagi pertanian dan pengairan padi yang bersempadan dan dikongsi di antara dua negeri iaitu Negeri Selangor(35%) dan Negeri Perak (65%).

Pendekatan secara Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (Integrated River Basin Management, IRBM) digunakan bagi pengurusan sumber air dan lembangan sungai bagi Lembangan Sungai Bernam yang terletak di dalam Negeri Selangor. LUAS bersama agensi kerajaan dan pihak berkepentingan seperti Jabatan Kesihatan Negeri Selangor dan Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd melalui Kajian Kebersihan dengan membuat pemantauan berjadual dan berterusan ke atas isu-isu pencemaran sumber air di Lembangan Sungai Bernam. Tindakan pemantauan dan penguatkuasaan secara bersepadu juga diambil berdasarkan bidang kuasa agensi yang terlibat. Sebarang aduan yang diterima daripada mana-mana pihak termasuk orang awam akan dibuat siasatan dan diberi maklum balas berdasarkan prosedur yang telah ditetapkan. Berdasarkan Indeks Kualiti Air (IKA) Sungai Bernam oleh Jabatan Alam Sekitar(JAS) dikategorikan Bersih pada tahun 2017.

LUAS bersama UPEN dan JPS Perak juga telah mengadakan dua (2) Bengkel Penyelarasan Pengurusan Lembangan Sungai Bernam bagi membincangkan isu pengurusan sumber air di Lembangan Sungai Bernam pada 3 dan 4 Disember 2015 dan 20 dan 21 Disember 2016. Lanjutan daripada itu, pihak LUAS dengan kerjasama UPEN Perak juga telah mengambil inisiatif membangunkan "State of River Report 2015:Sungai Bernam" yang melibatkan maklumat status lembangan sungai termasuk isu-isu yang signifikan terhadap lembangan sungai untuk cadangan perancangan dan tindakan selanjutnya dan telah diedarkan kepada semua pihak berkepentingan berkaitan.

Berdasarkan keputusan MMKN bertariikh 13 September 2017 kertas ringkasan MMK. No. 36 / 30 / 2017 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan

Negeri Selangor ke 31 /2017 pada 20 September 2017. Kerajaan Negeri Selangor juga telah memutuskan bagi penyediaan Terma Rujukan Kajian Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM) Sungai Bernam dan penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai Bernam dengan kerjasama Kerajaan Perak bagi pelaksanaan Pelan kelak. Kerajaan Negeri Selangor komited bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Perak di dalam menguruskan sumber air dari aspek kuantiti dan kualiti di Lembangan Sungai Bernam melalui pemantauan dan tindakan bersepadu.

b) LEMBAGA URUS AIR SELANGOR

Aktiviti penternakan merupakan salah satu Aktiviti Berjadual di bawah Peraturan-peraturan Kemasukan Atau Pelepasan Bahan Pencemar (Negeri Selangor) 2012 di mana, setiap premis yang tertakluk di bawah Peraturan perlu mendapatkan Lesen Kemasukan Atau Pelepasan Bahan Pencemar daripada Pengarah Lembaga Urus Air Selangor (LUAS).

Aktiviti penternakan yang tertakluk di bawah Peraturan ini adalah seperti berikut:

i.	Penternakan Selain Babi	Ternakan ayam, itik, angsa, ayam belanda, ayam mutiara, puyuh, merpati, burung unta, burung emu, dan lain-lain	20,000 ekor atau lebih
		Ternakan lembu, kambing, bebiri, kerbau, rusa dan lain-lain	250 ekor atau lebih
ii.	Penternakan Babi	Semua ladang tanpa mengira bilangan	

Premis yang telah dilesenkan adalah tidak dibenarkan melepaskan efluen daripada premis dengan melebihi had piawai yang telah ditetapkan. Senarai parameter dan had piawai adalah seperti di Lampiran A.

Sebarang kesalahan di bawah Peraturan ini dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM10,000.00 atau dipenjarakan tidak melebihi 6 bulan atau keduanya.

\* Nota : Jawapan juga boleh berdasarkan bidang kuasa Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

## LAMPIRAN A

### SENARAI PARAMETER DAN HAD PIAWAIAN

BIL	AKTIVITI	PARAMETER	HAD PIAWAIAN
1	Penternakan Babi Selain	Ammoniakal Nitrogen Keperluan Oksigen Biokimia (BOD <sub>5</sub> ) Keperluan Oksigen Kimia (COD) Jumlah Pepejal Terampai (TSS)	200 mg/l 200 mg/l 500 mg/l 500 mg/l
2	Penternakan Babi	Ammoniakal Nitrogen Keperluan Oksigen Biokimia (BOD <sub>5</sub> ) Keperluan Oksigen Kimia (COD) Jumlah Pepejal Terampai (TSS)	200 mg/l 50 mg/l 500 mg 100 mg/l

#### JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI SELANGOR

Lesen ternakan perlu dimohon daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor. Sehingga kini, dua(2) jenis projek penternakan perlu berlesen iaitu Unggas menegikut Enakmen Perladangan Unggas (Negeri Selangor) 2007 dan Warta Peraturan-peraturan Perladangan Unggas (Negeri Selangor) 2008 serta Babi mengikut Enakmen Penternakan Babi 1991.

Kriteria-kriteria bagi pemohon lesen penternakan unggas adalah :

- i. Bilangan ayam/itik ditenak adalah 500 ekor atau lebih dan bilangan puyuh/merpati adalah 1,000 ekor atau lebih;
- ii. Menjaga kebersihan premis dan persekitaran ladang;
- iii. Menyediakan prasarana biosekuriti asas;
- iv. Ladang unggasnya terletak dalam lingkungan minimum 200 meter secara garisan lurus dari mana-mana rumah ibadat sedia ada.  
(Syarat ini tidak terpakai bagi mana-mana ladang unggas yang mengamalkan sistem ladang tertutup;)
- v. Memantau status penyakit mengikut jadual di ladangnya dan mengambil langkah sepatutnya sekiranya berlaku wabak atau serangan penyakit;
- vi. Melaksanakan program pemvaksinan unggas;
- vii. Menggunakan, mengendalikan dan menyimpan ubat, racun dan bahan kimia mengikut prosedur yang dibenarkan oleh pengeluar dan kerajaan;

- viii. Menggunakan air daripada sumber yang bersih atau air terawat menggunakan bahan kimia yang diluluskan oleh kerajaan;
- ix. Mengawal infestasi lalat di ladangnya supaya tahap bau di ladangnya terkawal dan tidak mengganggu kesejahteraan awam;
- x. Memastikan habuk di ladangnya tidak mencemar udara dan tidak mengganggu kesejahteraan awam;
- xi. Menyediakan sistem/prosedur kawalan makhluk prosak yang berkesan;
- xii. Memastikan reban dibersihkan dan disucihama selepas setiap pusingan pengeluaran;
- xiii. Melupuskan dengan segera unggas mati, sarap, sampah dan sisa ladang yang lain serta mengganggu kesejahteraan awam; dan
- xiv. Menyediakan rekod ladang yang lengkap dan dikemaskini dari masa ke semasa.

Secara kesimpulannya, aspek kawalan pencemaran persekitaran dan mencegah gangguan kepada kesejahteraan awam sangat dititikberatkan dalam kriteria-kriteria pelesenan ladang unggas. Keterangan menyeluruh mengenai kriteria-kriteria ini dapat diperolehi daripada enakmen dan warta yang telah disebutkan tadi.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN  
(N56 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : ISU 'FOOD TRUCK' DI SELANGOR**

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan untuk mengecualikan bayaran permit 'food truck' di Selangor untuk membantu golongan belia lebih ramai dalam bidang ini ?
- b) Adakah PBT telah bersedia menyediakan lebih banyak lokasi lagi untuk penempatan 'food truck' yang semakin hari semakin popular?

**JAWAPAN:**

- a) Berdasarkan Bengkel Garis Panduan Trak Makanan Bergerak yang telah diadakan pada 13 hingga 15 April 2016 bertempat di Hotel Royal Chulan Damansara, Kerajaan Negeri dan agensi-agensi di bawah Negeri Selangor telah sebulat suara mengangkat satu Garis Panduan yang seragam untuk diguna pakai oleh semua PBT di seluruh Negeri Selangor. Kadar bayaran fi adalah RM0.50/jam dan sewa tapak adalah RM0.80/jam. Setiap sesi jualan adalah selama 4 jam bersamaan RM5.20/sesi. Fi ini tidak termasuk untuk caj-caj lain yang dikenakan di setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Jika dianggarkan operasi adalah 5 kali seminggu untuk sebulan, caj fi hanya RM104.00/bulan sahaja. Manakala, cagaran fi sampah sebanyak RM120.00 akan dikenakan di setiap PBT. Jumlah keseluruhan fi hanya RM224.00 dan fi cagaran akan dipulangkan semula bergantung kepada kebersihan tapak niaga. Caj bayaran fi yang dikenakan adalah berpatutan berbanding harga makanan yang dijual oleh peniaga *food truck* yang boleh mencecah sehingga RM25.00 bagi setiap set makanan.

Bagi membantu lebih ramai golongan belia di dalam bidang perniagaan *food truck* Kerajaan Negeri ada menyediakan bantuan Dana Usahawan Mikro bagi membeli peralatan dan mesin perniagaan. Manakala, pada tahun 2018 HIJRAH Selangor telah memperkenalkan bantuan pinjaman bagi trak bergerak. Terdapat 2 jenis bantuan trak bergerak iaitu *Mobile cart* dan *Daihatsu Hijet Pickup (Japan)*. *Mobile cart* merupakan trak tunda yang bersaiz lebih kecil dan mudah dikendalikan dan berkeluasan 8 kaki panjang dan 5 kaki lebar. Had bantuan pinjaman ini akan diberi sehingga RM26,500.00 dan RM3,500.00 akan diberikan sebagai modal bahan mentah. Bagi *Daihatsu Hijet Pickup (Japan)* pula *bersaiz 5 kaki panjang dan 4 kaki lebar*. Bantuan pinjaman sehingga RM39,000.00 dan RM1,000.00 akan

diberikan sebagai modal bahan mentah. Bantuan pinjaman bagi trak bergerak ini terbuka kepada semua jenis perniagaan. Proses permohonan akan mengambil masa 2 – 4 minggu bagi permohonan *Mobile cart* dan 4 – 6 minggu bagi permohonan *Daihatsu Hijet Pickup (Japan)*.

- b) Pada masa ini lokasi *food truck* di setiap PBT adalah berbeza. Kebanyakan PBT menyediakan ruang niaga yang boleh di gunakan untuk penjaja bergerak mahupun peniaga *food truck*. Manakala sekiranya terdapat acara atau majlis berlangsung, peniaga *food truck* akan dijemput untuk berniaga di kawasan tersebut. Manakala maklum balas daripada beberapa PBT mendapati, ada juga PBT yang tiada peniaga *food truck* yang dilesenkan di kawasan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN  
(N42 MERU)**

**TAJUK : PENARIKAN BALIK KAD PENGUASA AMAL MAARUF NAHI MUNGKAR  
KEPADA SELURUH PENGURUSAN MASJID SEJAK TAHUN 2016.  
SEHINGGA HARI INI TIDAK ADA SERAHAN SEMULA KEPADA  
PEGAWAI MASJID**

30. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Siapa dan berapakah pegawai yang diberi kad bagi setiap masjid?
- b) Apakah punca penarikan balik dan pembekuan kad kuasa ini?
- c) Berapakah peratus kes salah laku gunakuasa kad ini oleh pemegang kad ini?

**JAWAPAN:**

- a) Empat (4) Pegawai Masjid iaitu nazir, imam, bilal dan siak telah diberikan kad sebagai Pegawai Masjid untuk membantu melaksanakan tindakan amar maaruf nahi mungkar sebelum ini.
- b) Tiada istilah memerlukan kad kuasa oleh pegawai masjid bagi melaksanakan tanggungjawab amar maaruf nahi mungkar. Tauliah yang diberikan oleh MAIS telah memberi kuasa untuk menjalankan kuasa-kuasa dan tugas-tugas yang perlu terutama seperti mana yang dinyatakan dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor Tahun 2003 (rujuk Seksyen 101 (2) berkenaan perkara tauliah pegawai masjid). Sehubungan itu, tanggungjawab berhubung amar maaruf nahi mungkar yang termaktub dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor Tahun 2003, Seksyen 104 (2)(b) menyebut bahawa pegawai masjid bertanggungjawab terhadap tingkahlaku anak kariah dalam perkara-perkara berhubung dengan agama Islam. Berdasar perkara tersebut juga, pegawai masjid boleh melakukan tangkapan seperti yang nyatakan pada Seksyen 18 (berhubung perkara menangkap tanpa waran) dan Seksyen 20 (berhubung perkara orang yang ditangkap oleh Pegawai Masjid: bagaimana hendak diperlakukan) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Selangor Tahun 2003. Oleh itu, pegawai masjid sebenarnya tidak memerlukan kad kuasa dalam menjalankan tanggungjawab amar maaruf dan nahi mungkar. Walaubagaimanapun, JAIS melalui Bahagian Pengurusan Masjid akan memberikan satu kad sebagai pengenalan diri kepada Pegawai Masjid untuk kegunaan-kegunaan perlu.

Punca-punca penarikan balik dan pembekuan kad kuasa sebelum ini adalah kerana:

- i. Terdapat maklumat yang diterima oleh Bahagian Pengurusan Penguatkuasaan, JAIS bahawa ada pegawai masjid yang diberikan kad telah menyalahgunakan kad tersebut seperti selain tangkapan yang telah dibuat, mereka telah menjalankan proses kaunseling dan program pemulihan terhadap orang yang mereka tangkap. Sedangkan tindakan yang sepatutnya dilakukan adalah menyerahkan orang yang mereka tangkap tersebut kepada pihak penguatkuasa atau polis di atas apa-apa tangkapan seperti yang dinyatakan pada Seksyen 20 (berhubung perkara orang yang ditangkap oleh Pegawai Masjid: bagaimana hendak diperlakukan), Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Selangor Tahun 2003.
  - ii. Terdapat juga pegawai masjid yang diberikan kad tidak melaksanakan tanggungjawab amar maaruf nahi mungkar seperti yang sepatutnya dilaksanakan merujuk kepada tujuan kad itu diberikan ini atas faktor-faktor tertentu. Perkara ini sedikit sebanyak memberi kesan terhadap perkara yang dirancang berhubung dengan tujuan pemberian kad tersebut.
  - iii. Terdapat juga pegawai masjid yang tidak bersedia untuk memberi kerjasama kepada Bahagian Pengurusan Penguatkuasaan, JAIS untuk menjadi saksi terhadap tangkapan yang telah dilakukan. Dengan disebabkan perkara tersebut, proses pendakwaan terhadap kes tidak dapat dilakukan dan menyebabkan kesalahan yang telah dilakukan tidak dapat dilaksanakan proses perundangan seterusnya.
- c) Peratus salah laku gunakuasa kad oleh pemegang kad adalah kecil. Walaubagaimanapun impak dan kesannya adalah besar. Oleh itu, sebagai langkah pencegahan sebelum berlakunya impak dan kesan tersebut, tindakan penarikan kad kuasa telah dibuat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL  
(N41 BATU TIGA)**

**TAJUK : KEMUDAHAN WIFI PERCUMA**

31. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kawasan liputan kemudahan wifi Percuma KNS bertambah dalam tempoh 5 tahun ini? silanyatakan mengikut kawasan PBT.
- b) Berapa ramaikah pelaksana (industry player) yang dilibatkan untuk pemasangan Wifi ini?
- c) Sila beri perincian menfaat liputan untuk kawasan Dun Batu Tiga.

**JAWAPAN:**

- a) Ya, kawasan liputan kemudahan WiFi percuma di Negeri Selangor telah bertambah dalam tempoh dua tahun lebih sejak WiFi Smart Selangor mula beroperasi iaitu pada bulan September 2015.

Liputan WiFi Smart Selangor mengikut PBT adalah seperti perincian berikutny:

PBT	Jumlah Hotspot WiFi Smart Selangor		
	31 Dis 2015	31 Dis 2016	31 Dis 2017
MBSA	399	545	607
MBPJ	377	564	563
MPSJ	321	479	519
MPKJ	413	462	493
MPK	148	253	336
MPSepang	102	188	276
MPS	111	117	245
MDSB	6	143	175
MDKS	14	17	129
MPAJ	76	128	117
MDHS	7	41	56
MDKL	17	39	48
<b>Jumlah</b>	<b>1,991</b>	<b>2,976</b>	<b>3,588</b>

Jumlah Hotspot WiFi Smart Selangor mungkin berubah dari masa ke semasa disebabkan pemasangan baru, penamatan perkhidmatan WiFi oleh pemilik tapak pemasangan WiFi dan pemasangan semula perkhidmatan WiFi ke kawasan yang

lebih sesuai. Usaha untuk mempertingkatkan pemasangan WiFi di kawasan PBT yang masih rendah jumlah hotspot WiFi Smart Selangor akan terus diberikan keutamaan. Namun liputan perkhidmatan WiFi ke kawasan-kawasan luar bandar merupakan cabaran utama bagi merealisasikan hasil yang lebih berkesan dari usaha tersebut.

- b) Pemasangan WiFi Smart Selangor membabitkan dua (2) pembekal perkhidmatan WiFi iaitu Telekom Malaysia Berhad (“TM”) dan Celcom Mobile Sdn Bhd (“Celcom”). TM merupakan pembekal utama manakala Celcom merupakan pembekal WiFi bagi kawasan di luar liputan TM.
- c) Terdapat 107 hotspot WiFi Smart Selangor dalam kawasan DUN Batu Tiga yang meliputi kawasan depoh bas, hospital dan klinik kesihatan, kedai-kedai makan dan runcit, institusi pendidikan, masjid dan lain-lain tempat tumpuan awam. Setakat ini seramai 147,942 pengguna yang telah mendapat manfaat liputan perkhidmatan WiFi Smart Selangor di bawah kawasan DUN Batu Tiga.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : PROJEK PEMBINAAN RUMAH**

32. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah kelulusan kebenaran merancang untuk membina rumah di Selangor pada 2017 mengikut PBT.
- b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri mengawal kenaikan harga rumah di Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Sehingga 31 Disember 2017, bilangan projek yang telah memperolehi Kebenaran Merancang (KM) daripada Pihak Berkuasa Tempatan bagi membangunkan Rumah Selangorku adalah sebanyak 48 projek. Perincian jumlah tersebut mengikut PBT adalah seperti jadual dibawah:-

Berikut merupakan perincian kelulusan KM mengikut PBT :-

No	PBT	BIL. PROJEK
1	MBSA	8
2	MBPJ	-
3	MPSJ	4
4	MPAJ	-
5	MPK	3
6	MPKj	16
7	MPS	4
8	MPSp	5
9	MDKS	5
10	MDKL	-
11	MDHS	2
12	MDSB	1
<b>JUMLAH</b>		<b>48 Projek</b>

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Dasar Perumahan Mampu Milik Negeri Selangor (Rumah Selangorku) dan digunapakai sejak dari Tahun 2014 yang mana tujuan utama adalah bagi mengawal kenaikan harga Rumah di Selangor berdasarkan kemampuan pembeli. Melalui dasar yang diperkenalkan ini banyak memberi kelegaan kepada bakal pembeli yang mana harga Rumah Selangorku yang ditawarkan adalah di antara RM42,000.00 – RM250,000.00 seunit dengan keluasan binaan dari 700

kaki persegi hingga 1,000 kaki persegi dan ianya di dalam kemampuan untuk membeli.

Bagi rumah harga bebas, Kerajaan Negeri tidak dapat mengawalinya memandangkan ianya dipasarkan melalui pasaran terbuka dan berdasarkan faktor penawaran dan permintaan. Kerajaan Negeri hanya dapat mengawal harga Rumah Mampu Milik / Rumah Selangorku sahaja dan pengawalan harga ini adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada mereka yang benar-benar layak sahaja untuk ditawarkan unit berkenaan.

Kenaikan harga rumah masa kini disebabkan oleh beberapa faktor-faktor seperti berikut :

i) **Kenaikan Harga Barangan Pembinaan**

Pemaju menegaskan mereka dibebani dengan kenaikan harga batu bata, simen dan pasir yang secara tidak langsung akan meningkatkan kos-kos lain seperti kos pengangkutan dan kos infrastruktur.

ii) **Pengenaan Kadar Premium Tanah**

Pemaju menegaskan kadar premium tanah yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) agak tinggi iaitu berdasarkan kepada pasaran harga semasa.

iii) **Pengenaan Caj-Caj / Bayaran Caruman**

Berdasarkan semakan lebih daripada 30 jenis bayaran / caj yang akan dikenakan oleh pihak berkuasa kepada pemaju bagi sesuatu pembangunan. Caj-caj ini termasuklah yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan-Jabatan Teknikal dan juga termasuklah Agensi-Agensi Teknikal Swasta.

iv) **Kos Infrastruktur**

Hasil tinjauan yang pernah dijalankan, kebanyakan pemaju merasakan kos infrastruktur merupakan faktor yang paling utama terhadap peningkatan kos pembangunan projek. Ini kerana pemaju perlu menyempurnakan segala kemudahan infrastruktur dan utiliti seperti penyediaan jalan keluar masuk, penyediaan kemudahan dan bekalan air



yang sempurna (SYABAS – seperti laluan paip dan tangki air), penyediaan kemudahan dan bekalan elektrik (TNB – seperti laluan kabel elektrik, penyediaan pencawang masuk elektrik) dan penyediaan kemudahan dan sistem pembentungan (IWK – penyediaan Sistem Kumbahan STP).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(N04 SEKINCHAN)**

**TAJUK : LOJI RAWATAN AIR SEMENYIH 2 DAN LABOHAN**

33. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini pembinaan LRA Semenyih 2.
- b) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini pembinaan LRA Labohan Dagang.
- c) Sila huraikan secara terperinci berapakah kapasiti air bersih yang bakal dihasilkan oleh kedua-dua LRA dan impak positif terhadap industri Air Selangor.

**JAWAPAN:**

- a) Saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan No. 195 daripada Y.B. Semenyih kerana pertanyaan melibatkan perkara yang sama iaitu berkenaan Loji Rawatan Air Semenyih 2.

Loji Rawatan Air Semenyih 2 telah siap dibina dan mula beroperasi pada 01 Mac 2018. Loji rawatan air ini telah berjaya mengeluarkan 100 JLH air terawat yang memenuhi parameter kualiti air yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Loji Rawatan Air Semenyih 2 membekalkan air terawat untuk diagihkan ke kawasan selatan Selangor termasuk kawasan Beranang, Semenyih dan sebahagian Hulu Langat. Air terawat yang dihasilkan di Loji Rawatan Air Semenyih 2 telah disalurkan ke Kolam Air Terminal Bangi. Secara tidak langsung, penyaluran tambahan air terawat ini telah menstabilkan dan meningkatkan paras Kolam Air Terminal Bangi.

Kos pembangunan Loji Rawatan Air Semenyih 2 adalah sebanyak **RM 187.5 juta** seperti perincian berikut:

<b>Perkara</b>	<b>Anggaran Perbelanjaan (RM)</b>
Pembinaan Loji Rawatan Air dan lain-lain fasiliti yang berkenaan	155.5 juta
Kerja-kerja pembaikan Kolam Desa Putra	7.2 juta

Caj sambungan TNB	10.0 juta
Bayaran pampasan pengambilan tanah	5.0 juta
GST	9.8 juta
<b>KOS PEMBANGUNAN</b>	<b>187.5 JUTA</b>

Berdasarkan semakan awal dan perbincangan bersama pihak kontraktor, terdapat penjimatan dalam pelaksanaan pembinaan Loji Rawatan Air Semenyih 2 yang mana jumlah penjimatan akan diperincikan setelah projek tamat pada 31 Mac 2018.

Loji Rawatan Air Semenyih 2 yang dioperasikan oleh Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. telah memberi peluang pekerjaan kepada 24 orang dari kumpulan profesional dan bukan profesional yang akan mempunyai kemahiran dalam pengoperasian dan penyelenggaraan loji. Mereka termasuk jurutera, ahli kimia, juruteknik dan pekerja am.

- b) Setakat 25 Februari 2018, status pelaksanaan Loji Rawatan Air (LRA) Labohan Dagang adalah seperti berikut:

Bil	Nama Pakej	Kemajuan disasar (%)	Kemajuan Sebenar (%)	Lewat (Hari)
1.	PAKEJ A - Kerja-kerja Pengukuhan dan Pemuliharaan Kolam Pra-rawatan dan Kolam Utama Termasuk Membina Mukasauk di Sungai Langat.	99.4%	62.4%	119 hari
2.	PAKEJ B - Membina, Menguji dan Mentauliah Tangki Air Konkrit Bertetulang Muatan 40ML, Kerja-kerja Cerun, Jalan Masuk Serta Kerja-kerja Berkaitan di Bukit Jugra, Kuala Langat, Selangor	32.2%	18.6%	85 hari

<b>Bil</b>	<b>Nama Pakej</b>	<b>Kemajuan disasar (%)</b>	<b>Kemajuan Sebenar (%)</b>	<b>Lewat (Hari)</b>
3.	PAKEJ C1 - Membekal, Memasang, Menguji dan Mentauliah Paip M.S. Bergarispusat 1800 Mm serta Kerja-kerja Berkaitan dari Loji Rawatan Air Labohan Dagang ke Jalan Sukun, Kanchong Darat, Kuala Langat, Selangor	89.8%	65.4%	133 hari
4.	PAKEJ C2 - Membekal, Memasang, Menguji dan Mentauliah Paip M.S. 1800 mm serta Kerja-kerja Berkaitan dari Jalan Sukun, Kanchong Darat ke Jalan Bukit Jugra	58.2%	46.1%	65 hari
5.	PAKEJ D - Menguji dan Mentauliah Sebuah Loji Rawatan Air Berkapasiti 200 Mld serta Kerja-Kerja Berkaitan di Labohan Dagang, Kuala Langat, Selangor	25.0%	21.0%	17 hari

Secara amnya, kemajuan sebenar di tapak bagi keseluruhan projek telah mencapai 35%. Buat masa ini pihak kontraktor sedang dalam usaha untuk menyiapkan kerja di tapak berdasarkan jadual yang telah ditetapkan. Pembangunan LRA Labohan Dagang perlu disiapkan pada Disember 2018 bagi membekalkan air terawat tambahan untuk kegunaan pengguna di Kuala Langat dan kawasan sekitar.

- c) Pembangunan Loji Rawatan Air Semenyih 2 telah berjaya meningkatkan bekalan air terawat sebanyak 100 JLH dan tambahan bekalan air ini akan digunakan bagi menampung permintaan khususnya di kawasan selatan Selangor termasuk kawasan Beranang, Semenyih dan sebahagian Hulu Langat.

Manakala pembangunan Loji Rawatan Air (LRA) Labohan Dagang pula akan membekalkan tambahan sejumlah 200JLH kapasiti air terawat untuk kegunaan pengguna di sekitar kawasan Kuala Langat.

Dengan siapnya pembinaan Loji Rawatan Air Semenyih 2 dan Loji Rawatan Air Labohan Dagang, *reserved margin* air di Negeri Selangor akan meningkat daripada 3% pada akhir tahun 2017 kepada 9.8% pada akhir tahun 2018. Pertumbuhan pembangunan yang begitu pesat dalam sektor perumahan dan industri di negeri Selangor memerlukan Kerajaan Negeri untuk sentiasa bersedia dan mengambil langkah proaktif dalam menyediakan sumber bekalan air mentah dan air terawat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN  
(N54 TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK : PEMUTIHAN PENEROKAAN HUTAN SIMPAN**

34. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini terhadap permohonan peneroka hutan simpan Kuala Langat 2?
- b) Apakah langkah kerajaan bagi mengawal agar pencerobohan kawasan ini tidak berkembang?

**JAWAPAN:**

- a) Tiada nama Hutan Simpan Kuala Langat 2 di dalam Negeri Selangor.
- b) Tidak berkenaan kerana tiada nama Hutan Simpan Kuala Langat 2.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI  
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : PROJEK PERUMAHAN TERBENGGKALAI**

35. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyak projek perumahan terbengkalai pada tahun 2008?
- b) Berapa banyak projek perumahan terbengkalai telah di siapkan sepanjang 2008 hingga 2017?
- c) Apakah tindakan di ambil ke atas pemaju yang gagal menyiapkan projek?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, statistik terakhir pada Disember 2008 mendapati sebanyak 116 projek perumahan terbengkalai di Negeri Selangor dengan jumlah unit sebanyak 42,541 unit.
- b) Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak 53 projek perumahan terbengkalai yang melibatkan 24,660 unit yang telah berjaya diselesaikan di Negeri Selangor daripada tahun 2008 hingga 2017.
- c) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan ke atas pemaju bermasalah dengan mendapatkan nama-nama Ahli Lembaga Pengarah tersebut daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk disenaraihitamkan dan diedarkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Melalui sistem pendaftaran pemaju (SPEM) di LPHS, pemaju diwajibkan berdaftar sekiranya ingin menjalankan pembangunan perumahan dalam tempoh 30 hari dari tarikh Kebenaran Merancang diluluskan oleh PBT. Sekiranya dikenalpasti nama-nama pemaju terlibat telah disenaraihitamkan maka pemaju tersebut tidak akan dibenarkan untuk melaksanakan apa-apa pembangunan di Negeri Selangor termasuk membuat permohonan untuk pembangunan tanah walaupun mereka hanya berperanan sebagai salah seorang pemilik syer sahaja di bawah nama syarikat pemaju lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : AIR TIDAK TERHASIL (NON REVENUE WATER)**

36. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan yang ada pada Air Selangor untuk menurunkan kadar NRW ke paras kurang daripada 20% menjelang 2020?
- b) Berapakah banyak peruntukan diperlukan untuk mencapai matlamat ini?
- c) Bagaimanakah Air Selangor akan memperolehi peruntukan kewangan yang diperlukan ini?

**JAWAPAN:**

- a) Kadar NRW telah dirancang untuk diturunkan ke tahap 28% pada tahun 2020 dan seterusnya ke tahap 20% pada tahun 2035 daripada tahap NRW 31% pada tahun 2017. Antara program NRW dan inisiatif-inisiatif yang dijalankan berdasarkan pelan perniagaan tersebut adalah seperti berikut:
  - i) Program Pengesanan Kebocoran Aktif ('Active Leakage Detection') pada paip retikulasi;
  - ii) Pengesanan kebocoran pada paip utama dengan menggunakan alat pengesanan kebocoran yang berteknologi tinggi;
  - iii) Pengawasan dan amaran awal apabila berlaku kes paip pecah dan bocor melalui pemantauan Pressure Transient;
  - iv) Pembentukan Zon Permeteran Daerah ('District Metering Zone'),
  - v) Pembentukan Kawasan Imbangan Air (Water Balance Area) dengan Pengurusan Tekanan Air;
  - vi) Penukaran paip komunikasi yang berselerak dan lama;
  - vii) Penukaran meter Loji Rawatan Air (LRA);
  - viii) Pelaksanaan program pengurusan tekanan air yang sistematik;
  - ix) Program penukaran meter air pengguna yang lama/rosak;
  - x) Pensaizan semula meter air pengguna; dan
  - xi) Penukaran Meter Mekanikal kepada Meter Elektromagnetik.



- b) Berdasarkan pelan perniagaan yang telah dirancang, keseluruhan kos bagi kerja-kerja penurunan NRW telah dianggarkan sebanyak RM13.6 billion selama 30 tahun termasuk kos kerja penukaran paip lama.
  
- c) Bagi membiayai kerja-kerja penurunan NRW, sumber-sumber kewangan yang dicadangkan ialah:
  - i) Pembiayaan melalui PAAB;
  - ii) Geran dari KeTTHA;
  - iii) Peruntukan dari Kerajaan Negeri; dan
  - iv) Peruntukan dana dalam Air Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : KAJIAN PENGANGKUTAN AWAM SELANGOR**

37. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejak 12 laluan pengangkutan awam dikenalpasti, apakah status pelaksanaannya?
- b) Senaraikan usaha Kerajaan Negeri untuk menjayakan 12 laluan pengangkutan ini?

**JAWAPAN:**

Jawapan (a) dan (b) di jawab bersekali.

Kerajaan Negeri telah menyediakan Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor (PIPANS) sebagai dokumen asas kepada semua agensi Kerajaan dan swasta di Negeri Selangor dalam perancangan menyeluruh ke arah mewujudkan sistem pengangkutan awam yang komprehensif. Inisiatif Kerajaan Negeri untuk melaksanakan kajian PIPANS adalah bagi memberikan lakaran dan alternatif baru jajaran dan jalinan pengangkutan awam supaya Kerajaan Negeri dapat merangka sistem pengangkutan awam yang menepati keadaan semasa dan kehendak rakyat Negeri Selangor.

Penyediaan PIPANS turut mengenalpasti sistem pengangkutan awam menggunakan landasan yang terdiri daripada 12 cadangan koridor laluan pengangkutan awam yang mempunyai laluan paling optimum untuk Negeri Selangor. Namun begitu, pelaksanaannya memerlukan penglibatan daripada pelbagai pihak terutama agensi pelaksana pengangkutan berkaitan khususnya di peringkat Kerajaan Persekutuan. Penyelarasan di peringkat semua pihak amat diperlukan dalam perancangan pembangunan supaya pelan ini dapat diintegrasikan ke dalam pelan-pelan agensi sedia ada dan seterusnya dapat merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri untuk meningkatkan nisbah pengangkutan awam kepada penggunaan kenderaan persendirian dengan nisbah 60:40.

Bagi memastikan cadangan-cadangan di dalam Pelan Induk ini dapat dilaksanakan, Kerajaan Negeri telahpun mengadakan sesi perbincangan bersama pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) supaya pihak SPAD mengambilkira dan mengintegrasikan penemuan dan cadangan PIPANS ke dalam pelan induk SPAD. Sebarang permohonan dan perancangan baru pengangkutan awam sama ada melalui agensi Kerajaan atau swasta juga disarankan untuk mengambilkira cadangan Pelan Induk ini. Di peringkat Kerajaan Tempatan pula, Pelan Induk ini perlu diselaraskan dengan Rancangan Tempatan (RT) yang disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Penyediaan dokumen ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri sememangnya telah bersedia dan mempunyai pandangan jauh dalam memulakan pelan pengangkutan yang mampan terutamanya dalam menambahbaik sistem pengangkutan di Negeri Selangor. Ianya dijadikan sebagai *Blueprint* dan sumber rujukan kepada semua pihak yang terlibat dalam sebarang perancangan melibatkan pembangunan projek pengangkutan awam di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI  
(N45 SELAT KLANG)**

**TAJUK : DEWAN SERBAGUNA BAGAN HAILAM**

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kebakaran yang memusnahkan 13 rumah menyebabkan keluarga dalam suasana tahun baru kelam kabut mencari tempat tinggal sementara. Bilakah Kerajaan Negeri mahu membina dewan serbaguna?
- b) Balai JKKK juga terlalu uzur dan tidak selamat. Bilakah Kerajaan akan ganti baru? Anggaran Kos?

**JAWAPAN:**

- a) Pihak Majlis perlu mencari tapak / tanah yang bersesuaian untuk mendirikan dewan serbaguna di kawasan Bagan Hailam. Bajet dan peruntukan bagi mendirikan dewan serbaguna tersebut perlu mendapat kelulusan daripada pihak Kerajaan Negeri. Untuk makluman, sehingga hari ini pihak Majlis tidak mempunyai dewan serbaguna di kawasan berkenaan.
- b) Pejabat Daerah/ Tanah Klang telah mengadakan lawatan tapak bersama wakil JKR Klang, Pegawai Petempatan (SO) dan Ketua Kampung Bagan Hailam pada 23 Januari 2018 bagi melihat struktur sedia ada dan cadangan tapak ganti balai JKKK yang berkenaan. Hasil lawatan tersebut, Pejabat Daerah/ Tanah Klang telah mencadangkan satu tapak ganti yang baru berhampiran PT 1020 yang merupakan tanah kerajaan tidak jauh dari balai JKKK sedia ada (lot 7125, PA 29709). Anggaran sebut harga bagi membina dan menyiapkan Balai JKKK Kampung Bagan Hailam yang baru juga telah disediakan iaitu berjumlah RM 283,320.00. Pentadbiran ini juga telah mengemukakan surat permohonan bagi mendapatkan ulasan teknikal struktur balai JKKK sedia ada daripada pihak JKR Klang pada 5 Februari 2018 dan masih menunggu maklum balas tersebut bagi tindakan selanjutnya mengemukakan permohonan peruntukan kepada Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL  
(N25 KAJANG)**

**TAJUK : SKIM RAWATAN JANTUNG SELANGOR**

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah manfaat kerjasama Institut Jantung Negara, khususnya dalam program peduli jantung menerusi Skim Rawatan Jantung Selangor yang dilancarkan 26 Februari 2018 dan sila nyatakan.
- b) Jumlah rakyat Selangor yang bakal mendapat manfaat?
- c) Adakah peruntukan RM10 juta memadai?

**JAWAPAN:**

**Soalan ini dijawab bersekali dengan soalan no 6 daripada YB Sekinchan berkaitan Skim Rawatan Jantung Negeri Selangor.**

Skim Rawatan Jantung Negeri Selangor telah dilancarkan pada 26 Februari 2018 dengan peruntukkan sebanyak RM10 juta setahun yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri Selangor dan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS).

Skim ini dikendalikan oleh anak syarikat PKNS iaitu SELGATE Corporation (SELGATE) melalui anak syarikat milikannya iaitu Selcare Management Sdn Bhd (SELCARE) yang akan bertindak selaku Third Party Administrator (TPA). SELCARE bekerjasama dengan Institut Jantung Negara (IJN) dalam memberikan rawatan kepada pesakit yang layak.

Institut Jantung Negara (IJN) merupakan hospital pakar untuk pesakit jantung di Malaysia. IJN berperanan merawat pesakit jantung yang memerlukan pembedahan koronari, kardiologi dan kes pediatrik. Semua pesakit jantung yang serius dari seluruh negara dirujuk ke IJN bagi mendapatkan rawatan lanjut. Dengan mengadakan kerjasama ini, rakyat Selangor yang berpendapatan rendah akan mendapat rawatan jantung secara percuma yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri bagi meningkatkan tahap kesihatan dan kualiti hidup. Inisiatif ini amat penting memandangkan kos rawatan untuk pesakit jantung merupakan di antara kos rawatan kesihatan yang tertinggi di Malaysia.

Skim ini terbuka kepada Warganegara Malaysia yang lahir di Negeri Selangor atau telah menetap di Selangor melebihi 10 tahun dan mempunyai pendapatan isi rumah tidak lebih RM8,000 sebulan. Pesakit jantung yang menepati kriteria boleh membuat permohonan kepada pihak SELCARE untuk mendapatkan '*Guarantee Letter*' sebelum mendapatkan rawatan di IJN.

Sehingga 18 Mac 2018, seramai 9 orang pesakit telah menjalani rawatan jantung di bawah program ini dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM44,132.20. Kerajaan Negeri menyasarkan 500 orang pesakit jantung akan menerima manfaat di bawah program ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(N20 LEMBAH JAYA)**

**TAJUK : BOLASEPAK**

40. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah faktor yang menyebabkan prestasi bolasepak Negeri kurang menyerlah di peringkat Liga Malaysia pada masa ini?
- b) Nyatakan usaha-usaha yang telah dilaksanakan bagi mengembalikan kecemerlangan bolasepak Selangor.
- c) Apakah kriteria yang diguna pakai bagi mencari jurulatih yang berkaliber?

**JAWAPAN:**

- a) Buat masa ini, Persatuan Bola Sepak Negeri Selangor (FAS) menjalankan semua program termasuk penyediaan pasukan Liga Super secara bersendirian dan tidak melibatkan Kerajaan Negeri Selangor.

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri tidak mempunyai hak dan akses untuk menasihati, memperbaiki dan mempertingkatkan prestasi pasukan Liga Super.

Dengan itu, Kerajaan Negeri hanya boleh membantu pasukan PKNS FC sahaja.

- b) Selaras dengan titah DYMM Sultan Selangor agar Kerajaan Negeri Selangor dapat mengembalikan kegemilangan sukan bola sepak di Negeri Selangor. Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Sukan Negeri Selangor telah mengambil inisiatif untuk merangka satu pendekatan bagi mewujudkan satu program pembangunan sukan bola sepak yang lebih berstruktur dan sistematik untuk mengembalikan zaman kegemilangan sukan bola sepak di Negeri Selangor.

Majlis Sukan Negeri Selangor telah mewujudkan program pembangunan bola sepak Negeri Selangor yang dinamakan Akademi Bola sepak Merah Kuning (ABMK). Program ini dijalankan di setiap daerah di Negeri Selangor. Mereka yang terbaik kemudian akan dipilih ke sekolah-sekolah sukan negeri dan negara. Pemain lepasan sekolah kemudiannya akan dipilih dan ditempatkan di Kompleks ABMK di Puncak Alam untuk menjalani latihan dan menyertai pertandingan yang dianjurkan oleh FAM.

Majlis Sukan Negeri Selangor juga telah melantik seorang jurulatih Bola sepak dari Panel Jurulatih Akademi Ajax Amsterdam bagi membentuk satu model latihan yang sistematik dan terkini serta melatih pemain elite di ABMK.

c) Antara kriteria bagi mencari jurulatih berkaliber adalah seperti berikut:-

- 1) Berkelayakan dan mempunyai sijil sains sukan dan sijil spesifikasi sukan yang diiktiraf oleh persatuan kebangsaan dan Majlis Sukan Negara.
- 2) Berpengalaman sebagai pemain merupakan 'added value' dalam kriteria mencari jurulatih.